

13/07/1999

Dr Ling, Lim kekal jawatan dalam MCA

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, mengekalkan jawatan masing-masing apabila tidak menerima sebarang cabaran selepas tempoh penamaan calon bagi pemilihan parti itu ditutup hari ini.

Seramai 25 calon Jawatankuasa Pusat (CC) MCA juga menang tanpa bertanding selepas dua calon lain menarik diri. Ini adalah kali pertama CC yang mempunyai 25 ahli, tidak dipertandingkan.

Bagaimanapun, lima calon akan bertanding merebut empat jawatan Naib Presiden. Selain Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Fong Chan Onn dan Ahli Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon, yang mempertahankan jawatan itu, Datuk Chan Kong Choy yang mengosongkan jawatan Ketua Pemuda MCA, turut dicalonkan.

Ketua Pemuda pula menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara Pengerusi Pemuda MCA, Datuk Loke Yuen Yow dan Setiausaha Agungnya, Datuk Ong Tee Kiat.

Jawatan Ketua Wanita yang dikosongkan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Teng Gaik Kwan, turut menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara Timbalan Ketua Wanita, Dr Tan Yee Kew dan Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ng Yen Yen.

Bagaimanapun, semua jawatan lain dalam Pemuda dan Wanita dimenangi tanpa bertanding mengikut formula yang ditentukan sebelum ini, kecuali bagi CC Pemuda yang menyaksikan 24 calon merebut 20 kekosongan, manakala CC Wanita (20 calon untuk 15 kedudukan).

Dewan San Choon, Wisma MCA yang menjadi pusat penamaan, dipenuhi calon, penyokong dan wartawan sejak dibuka pada jam 1 petang. Proses penamaan calon itu diawasi Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Mengulas keputusan itu, Dr Ling yang dipilih semula sebagai presiden untuk penggal kelima berturut-turut, menyifatkannya sebagai 'tahap disiplin tertinggi ahli MCA'.

Menurut beliau, inilah kali pertama dalam sejarah parti tiada pertandingan untuk merebut jawatan CC MCA, yang pada pemilihan sebelum ini menyaksikan saingan sengit.

"Secara tidak langsung, ia membuktikan bahawa pemilihan MCA kali ini akan berjalan dalam suasana kekeluargaan, dan mesej kepada rakyat ialah parti ini amat stabil dan rakyat perlu terus memilih kami untuk lima tahun akan datang," katanya.

Ditanya sama ada ia menandakan ahli MCA berpuas hati dengan pencapaian pucuk pimpinan sehingga kini, Dr Ling berkata: "Saya percaya itulah mesej mereka kepada kami."

Sebanyak 2,411 anggota perwakilan termasuk 296 wanita, akan menghadiri perhimpunan agung MCA yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemilihan bagi Pemuda dan Wanita MCA diadakan Jumaat ini, manakala bagi jawatan Naib Presiden pada Sabtu.

Sementara itu, Chua, Ong, Fong dan Yap yakin dapat mempertahankan jawatan naib presiden MCA.

Chua, 56, bagaimanapun berkata setiap calon mempunyai kekuatan tersendiri dan terpulanglah kepada perwakilan untuk menentukannya.

Ong, 43, juga yakin berjaya mempertahankan kerusi itu sambil meminta perwakilan memilih pemimpin dengan bijak dan tidak mewujudkan suasana yang

boleh memecah belahkan parti.

Yap, 56, pula berkata kehadiran pemimpin di situ adalah untuk berkhidmat dan menyumbang kepada parti.

"Terpulang kepada kehendak dan penilaian perwakilan, pemimpin yang mana yang mereka pilih," katanya.

Fong, 53, juga berkata terpulang kepada perwakilan untuk menentukan sama ada mereka perlu kekal atau sebaliknya.

Sementara itu, Chan juga yakin mampu memberi saing berikutan maklum balas yang menggalakkan daripada peringkat akar umbi dan yakin perwakilan mampu menilai pemimpin yang baik.

"Semua calon mempunyai peluang yang sama. Mempunyai kekuatan dan kelemahan sendiri," katanya.

(END)